

14 JAN 2004

Abdullah-Dr Mahathir

PENUHI HASRAT DR M, CAPAI KEMENANGAN BESAR PILIHAN RAYA, KATA
ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri
Abdullah

Ahmad Badawi malam ini menyeru semua pemimpin komponen parti Barisan
Nasional (BN) supaya memenuhi impian tahun baru Tun Dr Mahathir
Mohamad

dengan mencapai kemenangan besar pada pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi BN itu berkata itu adalah satu cara berterima kasih
kepada

bekas Perdana Menteri itu di atas kepimpinan beliau selama 22 tahun.

"Saya masih ingat lagi dalam satu petikan dalam surat khabar
apabila

Tun Dr Mahathir Mohamad ditanya apakah harapan tahun baru tuan
(2004),

apakah idamannya pada tahun ini...beliau kata saya mengharapkan
supaya

Barisan Nasional akan menang pada pilihan raya umum akan datang.

"Kehendak beliau itu mesti menjadi usaha kita untuk mencapai
kemenangan, kehendak beliau itu mestilah menjadi usaha kita yang
benar-benar gigih, usaha kita yang berkesan dan usaha ini hanya akan
dapat

mencapai kejayaan jika ia merupakan usaha kita semua," katanya
semasa

berucap pada Jamuan Perdana Jasamu Dikenang anjuran BN sebagai
menghargai

jasa-jasa Dr Mahathir.

Abdullah berkata untuk mencapai kemenangan itu, semua pihak
harus

memberikan sumbangan sepenuhnya tanpa ada yang tidur dan cuba
mengecualikan

diri daripada memberikan yang terbaik.

Selain Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamed
Ali,

yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri
Datuk Seri

Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor, pemimpin-
pemimpin dan

anggota-anggota 14 parti komponen BN.

Abdullah berkata tidak ada cara lain untuk mengenang jasa
pemimpin

agung seperti Dr Mahathir melainkan dengan meneruskan perjuangannya
hingga

wawasan beliau menjadi kenyataan.

"Tapi kita hanya mampu mencapainya jika kita semua terus bersatu
padu,

kita bermuafakat dalam muafakat yang berkesan, kita bekerjasama

dengan elok

saya percaya inilah yang diharapkan oleh pemimpin agung kita.

"Walaupun beliau hari ini bukan lagi pengerusi Barisan Nasional, tetapi

bagi kita semua warga BN beliau tetap pemimpin kita," katanya.

Abdullah berkata Dr Mahathir telah membanggakan semua rakyat Malaysia

di atas kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh negara ini sepanjang pemerintahan beliau.

"Saya, apabila orang tanya apakah peninggalan Dr Mahathir yang paling

istimewa. Saya kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dapat memberi

kebanggaan kepada diri saya bukan sekadar hanya mewarisi jawatan beliau

sebagai Perdana Menteri, tapi sebagai rakyat Malaysia, kerana negara kita

ini maju, kerana kita ini bangsa yang berjaya, kerana negara kita ini

makmur selamat dan kerana negara kita ini dikenali di seluruh dunia.

"Saya menjadi rakyat Malaysia yang bangga dengan kejayaan ini," katanya.

Abdullah berkata ramai pemimpin yang ingin meniru kepemimpinan Bapa

Pemodenan Negara itu, tapi: "stail kepemimpinan tuan tidak mudah ditiru."

Dr Mahathir, kata Abdullah, memimpin melalui teladan dan sentiasa

mengutamakan rakyat serta parti.

Kepimpinan bekas pengerusi BN itu dapat dilihat menerusi keutuhan dan

keteguhan BN sepanjang 22 tahun pemerintahannya dan seterusnya membentuk

sebuah kerajaan yang begitu banyak menabur jasa dalam membangunkan negara,

kata Abdullah.

Terdahulu, sejurus ketibaan beliau dan isteri, Dr Mahathir yang diiringi Abdullah bersama-sama membuka tirai yang menutup potret

mereka

berdua, di ruang legar aras 4 Pusat Dagangan Dunia Putra itu.

Potret yang dilukis oleh pelukis tempatan Ismail Embong itu, menggambarkan Dr Mahathir menjulang tangan Abdullah dengan

berlatarbelakangkan lambang BN dan Umno, sebagai simbol penyerahan kuasa.

Dr Mahathir kemudian dibawa oleh Abdullah untuk membuka tirai sebuah

lagi potret iaitu potret "Jasamu dikenang" iaitu gambar Dr Mahathir dan Dr

Siti Hasmah.

-- BERNAMA

NM NM LAT